

BH terus bawa wadah pembaharuan, bantu bina negara bangsa

Julai 1, 2022 @ 12:52pm



KUALA LUMPUR: Berita Harian (BH) yang menyambut ulang tahun ke-65 hari ini akan terus memainkan peranan sebagai wadah perubahan untuk masyarakat dan negara.

Ini kerana BH berpandangan media mempunyai peranan membantu negara mengharungi pelbagai cabaran di peringkat tempatan dan global, terutama pasca COVID-19.

"Ia termasuk krisis ekonomi global dan perubahan iklim yang turut memberi impak kepada negara.

"Kemelut politik yang melanda negara mutakhir ini juga perlu diberi perhatian dan BH mahu memainkan peranan sebagai media bertanggungjawab dalam proses mengembalikan kegembilangan negara," kata Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman.

Katanya, sejak diterbitkan pada tahun 1957, BH antara pilihan utama masyarakat pelbagai peringkat bagi mendapatkan kandungan berita, maklumat dan ilmu.

Sejak edisi pertama yang dilancarkan pada 1 Julai 1957, dua bulan sebelum hari Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, BH membantu memenuhi keperluan ketika era nasionalisme dan pengisian kemerdekaan, seterusnya memainkan peranan dalam pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Bergerak ke hadapan, BH berhasrat terus berperanan membantu pembinaan negara bangsa sebagai instrumen semak dan imbang dengan mendukung demokrasi yang sihat, berasaskan Perlembagaan dan prinsip Rukun Negara.

BH juga mahu kekal sebagai media rujukan massa, bebas dan berkecuali dengan liputan dan laporan berimbang, adil dan tepat. Dasar yang diperkenalkan oleh bekas Pengarang Kumpulan, Khaidir A Majid itu diperkemaskan bagi mengukuhkan kedudukan BH sebagai media pilihan pembaca.

Bagi memastikan akhbar versi cetak terus relevan, manakala platform digital diperkuuhkan, kandungan BH akan terus diperbaharui sesuai dengan perubahan pantas industri media digital.

"Selama 65 tahun, BH telah menyalurkan berita, maklumat dan ilmu membantu pembangunan negara serta kesejahteraan rakyat.



65 tahun BH menyalurkan
berita, maklumat dan ilmu
bagi membantu pengisian
kemerdekaan, pembangunan negara
dan kesejahteraan rakyat

Bergerak ke hadapan, BH sebagai
media **rujukan massa, bebas dan
berkecuali** dengan liputan dan laporan
berimbang, adil dan tepat

Membantu pembinaan negara
bangsa, BH sebagai **semak dan imbang**
serta mendukung demokrasi sihat
berdasarkan Perlembagaan
dan prinsip Rukun Negara

Memacu 65 tahun Berita Harian

"Kini, kandungan BH didatangkan dalam pelbagai platform digital dan media sosial, sesuai dengan peredaran zaman," katanya.

Media yang dahulunya hanya dalam bentuk cetak kini telah berkembang ke platform digital atas talian yang memungkinkan penggunaan kandungan video sebagai wadah berita, maklumat dan ilmu sebagai medium untuk dikongsikan dengan pelbagai pihak.

"Persaingan di platform digital memerlukan kita mempelbagaikan kandungan dan kaedah persembahannya supaya tidak ketinggalan dan meletakkannya sebagai antara antara penyumbang hasil pendapatan perniagaan kepada The New Straits Times Press (NSTP) dan kumpulan Media Prima Berhad (MPB), konglomerat media dan hiburan terbesar di Malaysia," katanya.

Sementara itu, kejayaan BH mengekalkan posisi teratas dalam senarai laman web berita Bahasa Melayu paling popular oleh Reuters Institute and University of Oxford bagi tahun lalu membuktikan keberkesanan penggunaan pelbagai media oleh BH dan formula itu akan diteruskan dan dipertingkatkan.

Dalam era digital dan globalisasi kini, maklumat atau berita palsu yang makin berleluasa pula boleh menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat dan menjelaskan keselamatan serta mengancam keamanan.

Namun, dengan laporan tepat dan sahih telah menjadikan BH sebagai sumber rujukan masyarakat bagi mengetahui kesahihan sesuatu berita dan maklumat. Ia perlu diperkasakan, selain mempelbagaikan kandungan.

BH juga menyelami permasalahan yang dihadapi rakyat dengan pelbagai program tanggungjawab sosial.

Antaranya, program Semarak Ramadan BH dan Suara Komuniti yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan rakan korporat dan jabatan serta agensi kerajaan telah berjaya membantu sebahagian masyarakat yang memerlukan bantuan.

Ini adalah antara asas-asas penting bagi BH yang telah dimulakan oleh Pengarang Kumpulan BH sejak 65 tahun lalu. Antara nama-nama besar yang pernah menjadi pengarang sepanjang sejarahnya, termasuk Abdul Samad Ismail, Salim Kajai, Adibah Amin, Ahmad Nazri Abdullah, Ahmad Rejal Arbee dan ramai lagi.